



**1. PENOLONG KANAN SETIAUSAHA  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)  
KEKOSONGAN= SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 10 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Mempunyai kewibawaan dan sifat kepimpinan.
5. Fasih dengan Peraturan-Peraturan Am, Surat-Surat Keliling; Dasar Kerajaan dan lain-lain peraturan.
6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Sebagai Ketua kepada Bahagian-Bahagian yang ditentukan.
2. Bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi kecekapan dan keberkesanan Bahagian-Bahagian yang diketuainya.
3. Mencadangkan perancangan dan menjalankan dasar-dasar tertentu yang berkaitan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang melibatkan Pegawai dan Kakitangan perkhidmatan awam.
4. Bertanggungjawab dan membantu usaha meningkatkan keberkesanan produktiviti dan kualiti perkhidmatan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam keseluruhannya.
5. Merancang latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan.